

Pengurusan Masyarakat Kepelbagaian dalam Kawasan Rukun Tetangga di Malaysia: Satu Analisis

Zaleha Embong

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan,

Universiti Malaysia Kelantan

zaleha.e@umk.edu.my

ABSTRAK

Kawasan Rukun Tetangga (KRT) adalah sebuah organisasi yang menekankan konsep sukarela dan merupakan satu-satunya organisasi sukarela yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen. KRT bertujuan mempromosikan kefahaman dan interaksi dalam masyarakat kepelbagaian di negara ini. Hal ini bertepatan dengan objektif penubuhan KRT iaitu memelihara, meningkatkan dan mengukuhkan perpaduan serta integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara. Pelbagai program yang diadakan di KRT bertujuan untuk mengurus masyarakat kepelbagaian demi memupuk hubungan kesepaduan sosial. Proses dan usaha yang dimainkan oleh KRT dalam hal kemasyarakatan telah memberi implikasi besar kepada hubungan masyarakat Malaysia. Maka, menjadi objektif kajian ini untuk mengenal pasti kaedah pengurusan masyarakat kepelbagaian di KRT dan menganalisis peranannya dalam memperkukuh kesepaduan sosial. Artikel ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan temu bual secara mendalam. Manakala, kaedah penganalisisan data pula menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil dapatan mendapati, KRT wujud sebagai ruang pertemuan untuk melaksanakan pelbagai program dan menyelesaikan masalah sosial. Program-program yang dilaksanakan secara sistematik dan terancang membantu menguruskan masyarakat kepelbagaian dalam KRT. Hal ini memberi manfaat kepada masyarakat dan negara dalam usaha memperkukuh kesepaduan sosial yang dikecapi negara pada ketika ini.

Kata kunci: *Pengurusan; Masyarakat Kepelbagaian; Kawasan Rukun Tetangga; Kesepaduan Sosial*

PENGENALAN

Kewujudan masyarakat kepelbagaian boleh membawa kepada konflik dan peperangan. Malahan boleh menjejaskan kestabilan sosiopolitik, ekonomi, pembangunan, infrastruktur, pendidikan dan sebagainya. Dari sudut yang lain pula, kewujudan masyarakat majmuk dapat membina hubungan kerjasama dan mencapai keharmonian. Jelas bahawa kepelbagaian dan perbezaan latar belakang bukan satu halangan malah bertindak sebagai aset berharga kepada sesebuah negara.

Di Malaysia, pemupukan hubungan kerjasama dan permuafakatan telah bermula sejak tahun 1949 lagi. Hal ini melibatkan kerjasama politik antara masyarakat Melayu dan bukan Melayu. Usaha ini telah dilakukan oleh Onn Jaafar dan Gabenor Jeneral British di Asia Tenggara iaitu Malcolm MacDonald dengan menubuhkan Communities Liaison Committee (CLC) atau Jawatankuasa Perhubungan Kaum. CLC sebuah badan berbilang etnik disertai oleh masyarakat Melayu yang diketuai oleh Onn Jaafar sebagai wakil UMNO manakala masyarakat Cina diketuai oleh Tan Cheng Lock sebagai wakil MCA. Penubuhan ini bertujuan mewujudkan kesefahaman dan hubungan kerjasama dalam kalangan masyarakat majmuk (Zaid Ahmad et al., 2010; Chamil Wariya, 1987; Ishak Saat, 2010; Shamsul Amri Baharuddin, 2012). Hal ini telah membolehkan Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 (Fadilah Zaini & Kassim Thukiman, 2009).

Selain itu, pihak kerajaan telah melakukan pelbagai inisiatif melalui transformasi pembangunan ekonomi dan politik dalam membina masyarakat majmuk yang bersatu padu. Misalnya, pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 melalui Rancangan Malaysia Kedua (1971-1975). Dasar ini diperkenalkan selepas peristiwa rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 yang bertujuan membetulkan ketidakseimbangan sosioekonomi antara pelbagai kaum. Matlamat utama DEB ialah bagi mewujudkan perpaduan negara dan integrasi nasional dengan mengurangkan perbezaan ekonomi, sosial, kebudayaan, penempatan dan sebagainya (Chamhuri Siwar, 1991). Pada tahun 1991 pula, Wawasan 2020 diperkenalkan bertujuan mencapai negara maju merangkumi aspek ekonomi, politik, sosial, kerohanian dan kebudayaan. Selepas itu, pendekatan Islam Hadhari diperkenalkan pada tahun 2006 sebagai usaha mencapai integrasi kaum, mengukuhkan kestabilan dan kemakmuran dalam kalangan masyarakat majmuk. Prinsip Islam Hadhari yang bersifat universal dapat memberi ruang kepada masyarakat majmuk untuk berbaik-baik, bertoleransi dan saling menghormati demi mencapai keamanan (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2010; Khairul 'Azmi Mohamad & Nooraini Othman, 2009). Namun begitu, Islam Hadhari dilihat gagal memastikan keharmonian dalam hubungan etnik. Hal ini berikutan terdapat banyak kes tentang isu-isu sensitif dan perkauman telah disebut secara terbuka tanpa menghiraukan masyarakat majmuk di Malaysia (Mohd Azizuddin Mohd Sani, 2010). Konsep 1Malaysia pula diperkenalkan untuk membina hubungan kerjasama dan sebagai usaha ke arah mencapai perpaduan kaum (Yusri Mohamad Ramli & Tengku Ghani Tengku Jusoh, 2012). Pada tahun 2020, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama) telah memperkenalkan konsep *Rahmatan lil'alamin* bagi membina hubungan yang baik antara masyarakat Islam dan bukan Islam. Walau bagaimanapun, pelbagai isu dan kritikan yang dilakukan oleh pelbagai pihak berkenaan pendekatan ini yang dilihat tidak membela masyarakat Islam tetapi memberi penumpuan kepada kebajikan agama lain. Hal ini menunjukkan pelbagai usaha yang dilakukan bertujuan bagi membina hubungan baik dan kesepaduan sosial dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Usaha secara berterusan penting dalam menangani konflik dalam masyarakat majmuk bagi mengelakkan kekecohan dan pergaduhan.

KAWASAN RUKUN TETANGGA

KRT merupakan satu jawatankuasa sukarela yang dinaungi dan dipantau oleh JPNIN di bawah kawalan Kementerian Perpaduan Negara. KRT ditubuhkan selepas peristiwa 13 Mei 1969 yang telah mengorbankan banyak nyawa ekoran isu perkauman. Peristiwa ini telah memberi kesanburuk kepada masyarakat majmuk di Malaysia. Hal ini juga turut menimbulkan sikap prejudis dan curiga sehingga menyebabkan hubungan antara etnik semakin renggang. Oleh sebab itu, KRT merupakan inisiatif pihak kerajaan untuk memupuk kembali kesepaduan dalam hubungan etnik agar keharmonian dapat dicapai. Peristiwa ini memberi kesedaran kepada pelbagai pihak akan kepentingan mengurus hubungan etnik dari peringkat akar umbi (JPNIN, 2022). Ekoran itu, pada 29 Ogos 1975, KRT telah dirasmikan oleh Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ke dua di KRT Kampung Kasipillay, Kuala Lumpur. KRT ini diwujudkan di bawah Peraturan-Peraturan Perlu (Rukun Tetangga) 1975 (P.U. (A) 279/75) yang diadakan di bawah Ordinan Darurat 1969 (JPNIN, 2022).

Pada awalnya, KRT berfungsi untuk memastikan keselamatan penduduk di kawasan kejiranan dan rondaan wajib telah diperkenalkan kepada penduduk yang berusia 18 hingga 55 tahun (Abd Hadi Mohd Salleh & Norwahidah Zinalibidin, 2013; JPNIN, 2013). Selepas itu, pada tahun 1984, konsep KRT berubah kepada konsep kejiranan yang menjurus kepada program meningkatkan semangat kejiranan dan perpaduan dalam masyarakat setempat (Syed Mahadzir, 2007). Kemudian pada tahun 2001, hala tuju KRT beralih kepada konsep

pembangunan komuniti sejajar dengan perkembangan semasa. Hala tuju baru KRT ini diterjemah melalui komponen KRT yang meliputi Jiran Wanita, Jiran Usia Emas, Jiran Muda dan Tunas Jiran (Fatimah Yassin, 2010). Pada tahun 2010 pula, KRT telah mengalami fasa transformasi selaras dengan Program Transformasi Kerajaan apabila Model Transformasi Rukun Tetangga yang berpaksikan kepada lima teras iaitu perpaduan, ekonomi, keselamatan, pendidikan dan kualiti hidup diperkenalkan. Kini, aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh KRT berdasarkan teras-teras tersebut. Lima teras ini antara kerangka yang dikenal pasti mampu mencapai matlamat negara untuk melahirkan masyarakat majmuk yang hidup dalam suasana harmonis (Abd Hadi Mohd Salleh & Norwahidah Zinalibidin, 2013).

KRT adalah sebuah organisasi yang menekankan konsep sukarela dan merupakan satu-satunya organisasi sukarela yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen yang diamanahkan dengan beberapa matlamat khusus (JPNIN, 2022; Fatimah Mohd Yasin, 2010; Abd Hadi Mohd Salleh & Norwahidah Zinalibidin, 2013). KRT bertujuan mempromosikan kefahaman dan interaksi dalam masyarakat majmuk di negara ini (Azeem Fazwan Ahmad Farouk & Mohamad Zaini Abu Bakar, 2007). Hal ini bertepatan dengan objektif penubuhan KRT iaitu memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan serta integrasi nasional selaras dengan dasar-dasar kerajaan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara (JPNIN, 2022). Menurut Afriva Khaidir (2010), KRT mampu bertindak sebagai agen pendamai kerana aktiviti-aktiviti yang dianjurkan dapat memupuk semangat kerjasamadan saling membantu dalam masyarakat majmuk.

SOROTAN KAJIAN

Perhubungan etnik di Malaysia sering dibincangkan dalam empat bentuk iaitu penyesuaian, kerjasama, persaingan dan konflik. Hal ini berikutan hubungan etnik sering berhadapan dengan situasi harmoni ataupun konflik bergantung kepada bentuk interaksi yang wujud dalam kalangan ahli masyarakat (Fatimah Mohd Yasin, 2010). Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2008, 2011) keadaan Malaysia boleh dilihat sebagai *a state of stable tension* iaitu keadaan yang stabil walaupun masih wujud ketegangan. Oleh sebab itu, Malaysia sering menjadi perhatian para sarjana dalam mengkaji keempat-empat bentuk hubungan tersebut (Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee, 2006).

Dalam situasi konflik, perhubungan etnik berada dalam keadaan persengketaan dan permusuhan. Kepelbagaian agama, bangsa, bahasa, adat dan sebagainya merupakan asas sentimen yang sentiasa mengikat kepercayaan sesama etnik dalam membentuk identiti kumpulan masing-masing (Hudson, 2006). Situasi ini membentuk semangat kesetiaan sesama etnik seterusnya melahirkan perasaan prejudis dan prasangka buruk terhadap etnik lain (Horowitz, 1985).

Menurut Simmel (1950), konflik adalah menetapkan sempadan antara kumpulan dengan mengukuhkan kesedaran dan mengasingkan daripada kumpulan lain. Coser (1956) pula mentakrifkan konflik sebagai suatu kekuatan nilai-nilai, tuntutan untuk mendapat status, kuasa, sumber dan menjadi tujuan seseorang individu atau kumpulan untuk merosakkan musuh-musuh. Konflik juga bertujuan mengekalkan identiti kumpulan.

Perasaan prejudis dan prasangka buruk dalam masyarakat majmuk boleh mewujudkan konflik etnik. Oleh sebab itu, kajian secara mendalam terhadap punca-punca teretusnya konflik etnik dalam sesebuah negara telah dilakukan oleh ahli sains sosial seperti Geertz (1963), Myron (1966), Wallerstein (1966), Mehden (1969), Tumin (1969), Bullivant (1981),

Horowitz (1985) dan Ooman (1997). Persoalan tentang pola interaksi sosial menjadi perhatian ahli sains sosial ini dalam usaha untuk mencapai integrasi nasional.

Seterusnya, Furnivall (1948) dan Smith (1965) telah mengutarakan konsep masyarakat majmuk yang menjelaskan bahawa masyarakat ini dicirikan oleh pergaduhan dan konflik walaupun berada dalam unit politik yang sama. Masyarakat ini wujud dalam pelbagai bahagian komuniti tetapi hidup secara berasingan. Masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai etnik sebenarnya wujud atas dasar ketegangan dan tidak ada nilai bersama. Hal ini boleh menimbulkan konflik dalam masyarakat majmuk. Namun, Fearon dan Laitin (2003) berpendapat bahawa faktor berlakunya konflik etnik bukan hanya disebabkan faktor etnik dan agama tetapi faktor ketidakseimbangan sosioekonomi, politik yang tidak stabil, populasi penduduk yang ramai dan sebagainya.

Konflik di Myanmar misalnya berlaku kerana faktor agama dan pihak pemerintah melakukan kekejaman dengan melancarkan pembersihan etnik terhadap masyarakat Islam Rohingya. Masyarakat Islam Rohingya tidak diiktiraf sebagai warganegara dan dihalau keluar dari negara sendiri (Abdul Halim Sidek, Yohan Kurniawan & Hishamuddin Md. Som, 2012; Smith, 1994). Manakala, konflik di Afrika Selatan berlaku kerana faktor perbezaan ras. Pihak pemerintah melakukan pengasingan ras mengikut warna kulit ekoran pelaksanaan dasar aparteid pada tahun 1948 sehingga 1994 (Ramli Awang, 2003). Masyarakat kulit hitam telah ditindas secara kejam oleh golongan pemerintah yang terdiri daripada masyarakat kulit putih (Rogers, t.t.). Perang Saudara di Sri Lanka pula berlaku pada tahun 1983 sehingga 2009 berpunca daripada pergaduhan antara etnik majoriti Sinhala dengan etnik minoriti Tamil. Hal ini ekoran etnik Tamil merasa tersisih apabila bahasa Sinhala menjadi bahasa kebangsaan dan agama Buddha menjadi agama rasmi Sri Lanka. Etnik Tamil yang beragama Hindu dan berbahasa Tamil merasa ditindas dan disisihkan. Hal ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dan menyebabkan berlakunya perang saudara. Konflik ini telah mengakibatkan seramai 150 ribu nyawa telah terkorban (Ng Mooi Ru, 2009; Shamsul Amri Baharuddin, 2011).

Konflik yang berlaku di Palestin, Kemboja, Ireland Utara, Kosovo, Cyprus, Rwanda, Sudan, Peru, Demokratik Republik Congo (DRC), Kashmir, Thailand, Bosnia dan Herzegovina merupakan masalah yang timbul ekoran perbezaan agama, etnik, bahasa dan budaya dalam masyarakat. Perbezaan ini merupakan penyebab berlakunya penindasan, keganasan dan kekejaman terhadap masyarakat yang ditindas terutama golongan minoriti (Wolff, 2006; Young, 1994; Bowen, 1996).

Di Malaysia, kepelbagaian etnik menjadi tumpuan para pengkaji seperti Freedman (1960), Esmam (1972), Horowitz (1983), Sanusi Osman (1989), Fatimah Daud (1984) dan Cheu (1995). Para pengkaji ini telah membuat kajian terhadap hubungan antara pelajar Melayu dan bukan Melayu. Hasil kajian menunjukkan polarisasi semakin meningkat dan hubungan antara pelajar Melayu dan bukan Melayu semakin renggang serta boleh menimbulkan konflik sekiranya tidak dipantau. Agoes Salim (1983) pula meragui keberkesanan Rukun Negara dalam mewujudkan sentimen perpaduan kerana polarisasi kaum semakin meningkat dan hubungan antara kaum semakin menuju kepada kemusnahan. Agoes Salim memberi gambaran keadaan polarisasi ini di kampus-kampus universiti.

Menurut Wan Hashim Wan Teh (1983) dan Hasnah Husin (2010), masalah hubungan etnik berlaku di Malaysia adalah disebabkan oleh dasar penjajah British. Dasar British yang menggalakkan sebilangan besar imigran dari negara India dan China ke Semenanjung bermula awal kurun ke-19. Hal ini diikuti dengan Dasar Pecah dan Perintah yang membawa kepada

pembahagian buruh mengikut pengenalan etnik dan kawasan. Oleh sebab itu, masyarakat Melayu, Cina dan India bukan sahaja terpisah kerana adat, budaya, makanan dan pakaian tetapi turut terpisah dari segi pekerjaan dan tempat tinggal (Graham, 1977).

Kajian yang dilakukan oleh Maurice (1960) pula menunjukkan nilai kebersamaan amat kurang dalam masyarakat Malaysia pada tahun 50-an dan 60-an. Menurut Ting (1982) pula, sebahagian masyarakat majmuk di Malaysia adalah legasi daripada dasar imigrasi penjajah British. Ciri-ciri masyarakat majmuk yang dibentuk pada zaman penjajahan masih kekal hingga hari ini. Chew (1975) pula berpandangan bahawa masyarakat majmuk di Malaysia terpisah dari sudut pendidikan, kuasa ekonomi, penempatan dan politik sebelum kemerdekaan. Namun, selepas mencapai kemerdekaan masyarakat berusaha untuk hidup bersama.

Nur Azuki Yusuff, Nik Yusri Musa dan Wan Sopian Sori (t.t.) telah mengkaji faktor yang menyebabkan konflik etnik di Malaysia. Kajian menunjukkan konflik etnik berpunca daripada pendokong atau kepimpinan politik kepartian dan menyokong parti yang taksub. Kajian ini melihat konflik etnik menurut perspektif mahasiswa. Manakala, kajian Wan Norhasniah Wan Husin (2012) menunjukkan punca berlaku konflik adalah perbezaan nilai-nilai budaya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Kajian ini melihat wujudnya konflik ekoran pertembungan budaya antara masyarakat Melayu dan Cina. Namun begitu, kerajaan telah melaksanakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan untuk membina hubungan yang baik dalam kalangan masyarakat majmuk. Kajian berkenaan peranan kerajaan dalam mengurus ketegangan etnik turut dilakukan oleh M. Shamsul Haque (2003). Beliau mengkaji peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan Malaysia dalam menguruskan ketegangan etnik melalui pelaksanaan dasar-dasar dan pembentukan kerajaan yang berasaskan kerjasama politik antara pelbagai etnik.

Oleh sebab itu, perhubungan dalam bentuk kerjasama mempunyai matlamat jangka panjang untuk menyatupadukan masyarakat majmuk (Fearon & Laitin, 1996). Oleh sebab itu, penjelasan teori hubungan etnik perlu memfokuskan kepada kepentingan kerjasama untuk menghindari daripada persengketaan dan menuju ke arah keharmonian. Kajian Willet (1998) pula melihat hubungan kerjasama menjadi pilihan bagi kebanyakan masyarakat majmuk kerana tidak berupaya melenyapkan perbezaan etnik dan menghindarkan konflik yang sering berlaku dalam masyarakat majmuk. Fenomena ini dapat dijelaskan melalui pendekatan akomodasi yang merujuk kepada pengamalan kerjasama, tolak ansur, saling menerima dan menghormati perbezaan budaya antara etnik. Surtahman Kastin Hasan (2008) berpendapat bahawa teras utama kerjasama ialah altruisme iaitu satu sikap yang tidak mementingkan diri sebaliknya mementingkan kebajikan masyarakat. Altruisme dapat melahirkan nilai-nilai mulia seperti bertanggungjawab, bertimbang rasa, kasih sayang, hormat-menghormati, jujur, ikhlas, adil dan sebagainya. Masyarakat majmuk memilih hubungan kerjasama kerana tidak berupaya untuk melenyapkan perbezaan antara etnik dan mengelak daripada berlaku konflik.

Putnam (1993, 1995) menyatakan bahawa salah satu usaha yang berpotensi membina ruang sosial dan budaya kerjasama adalah melalui penglibatan masyarakat dalam institusi sosial seperti berpersatuan dan organisasi. Penglibatan ini tanpa mengira batas budaya, agama dan bangsa. Misalnya, kajian yang telah dilakukan Fatimah Mohd Yasin (2010) menunjukkan bahawa penglibatan masyarakat majmuk dalam aktiviti berpersatuan dapat memupuk sikap saling percaya, menghormati dan bertanggungjawab. Hal ini seiring dengan kajian oleh Korten (1980) dengan melihat pelaksanaan program Savodaya Sharamandana Movement di Sri Lanka bertujuan membangunkan semangat kerjasama dalam kalangan masyarakat setempat. Program ini merupakan contoh organisasi sukarela yang berkesan dalam memberi perkhidmatan kepada

masyarakat setempat. Shek (2007) dan Nurazmallail Marni et al. (2004) turut membincangkan kepentingan amalan kerjasama dalam masyarakat. Kajian Shek (2007) menunjukkan kerja berpasukan merupakan satu cara kerjasama yang berkesan dan perlu diamalkan bermula dari sekolah lagi. Manakala, Nurazmallail Marni et al. (2004) berpendapat bahawa amalan kerjasama yang ditekankan oleh Islam adalah untuk mewujudkan kesatuan dalam masyarakat. Masyarakat perlu bekerjasama bagi membina hubungan baik sesama manusia, membaiki taraf kehidupan dan menegakkan hukum Allah SWT untuk mencapai kejayaan.

Steven (2003) dan Surtahman Kastin Hasan (2008) turut menjelaskan tentang kepentingan kerjasama dalam pembangunan ekonomi. Menurut Steven dan Surtahman Kastin Hasan, masyarakat majmuk perlu berganding bahu bagi membangunkan sektor ekonomi dan bekerjasama dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan bersama. Masyarakat yang menjalin hubungan kerjasama mempunyai peluang yang luas untuk mencapai kejayaan dan mampu meningkatkan taraf ekonomi mereka. N. Emel Ganapati, Ilan Kelman dan Theodore Koukis (2010) pula membincangkan kepentingan membina hubungan kerjasama terutama negara-negara yang berkonflik. Hal ini kerana wujud hubungan kerjasama secara jangka panjang antara negara-negara berkonflik apabila berlaku bencana alam. Manakala, James dan David (1996) turut membincangkan kepentingan hubungan kerjasama dalam menyelesaikan persengketaan dan konflik bagi mencapai keamanan. Oleh sebab itu, hubungan kerjasama memainkan peranan penting untuk membina masyarakat yang harmonis. Menurut Ibnu Khaldun (1993), sesebuah dinasti atau kerajaan boleh berkembang luas melalui semangat kerjasama. Semangat kerjasama ini hanya akan wujud apabila setiap anggota masyarakatnya saling menyayangi dan sanggup berjuang serta rela berkorban demi menjaga kepentingan bersama.

PENGURUSAN MASYARAKAT KEPELBAGAIAN DALAM KRT DI MALAYSIA

KRT telah melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan yang bertujuan merapatkan hubungan kejiwaan. Masyarakat kepelbagaian di KRT perlu diuruskan dengan baik dan berstrategi. Maka, KRT telah menguruskan masyarakat kepelbagaian melalui aktiviti-aktiviti kemasyarakatan ini bagi memperkukuh hubungan baik. Aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilakukan adalah sebagaimana berikut:

Aktiviti Sosial

Dalam aktiviti sosial misalnya, pelbagai aktiviti dilaksanakan bagi memastikan masyarakat majmuk dapat mengambil bahagian. Hal ini bertujuan membina hubungan kerjasama dalam masyarakat majmuk. Antara aktiviti-aktiviti yang dilakukan ialah sambutan Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Korban, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Hari Keluarga dan lawatan ke KRT lain. Bagi sambutan perayaan, masyarakat KRT saling membantu menghulurkan sumbangan kewangan dan barangan keperluan. Malah mereka turut meluang masa gotong-royong menyediakan juadah makanan untuk para tetamu yang hadir. Aktiviti gotong-royong bagi sambutan perayaan mendapat kerjasama yang baik daripada masyarakat majmuk. Oleh sebab itu, Ibn Khaldun (1993) berpendapat bahawa toleransi wujud dalam bentuk kerjasama dan keperluan berorganisasi. Hal ini kerana manusia perlu berinteraksi bagi memenuhi keperluan bersama. Lantaran itu, peringkat akomodasi penting agar masyarakat majmuk saling menghormati norma dan nilai kumpulan etnik lain. Hal ini seiring dengan pandangan Nurazmallail Marni et al. (2004) bahawa sikap menghormati dan bertolak ansur dapat membina hubungan baik sesama manusia. Selain itu, aktiviti Hari Keluarga diadakan bagi mengeratkan hubungan sesama ahli masyarakat. Hari Keluarga dianjurkan supaya masyarakat

dapat beriadah bersama keluarga dan jiran tetangga. Lazimnya, aktiviti ini dilakukan di hutan lipur, pantai dan sebagainya. Malah, aktiviti sukaneka turut diadakan bagi memeriahkan suasana. Selain itu, aktiviti lawatan ke KRT lain bertujuan menjalin hubungan persahabatan, mengenali perbezaan budaya dan berkongsi pelbagai pengalaman. Oleh sebab itu, aktiviti ini boleh memupuk sikap penerimaan dan menghindari sikap prejudis serta stereotaip terhadap etnik lain. Hal ini seiring dengan pandangan Zarina Muhammad (1997) bahawa amalan toleransi dalam masyarakat majmuk dapat membina hubungan kerjasama dan menghalang daripada berlaku pergaduhan. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan mendapat sambutan daripada masyarakat KRT.

Aktiviti Keagamaan

Aktiviti agama merupakan aktiviti yang mendapat sambutan daripada masyarakat KRT antaranya ceramah keagamaan, kursus mandi jenazah, bacaan Yasin, forum, gotong-royong membersihkan rumah ibadat dan perkuburan. Aktiviti-aktiviti ini merupakan inisiatif untuk mendidik individu mendekati agama. Individu yang terdidik dengan agama dapat melahirkan masyarakat yang bertanggungjawab, prihatin dan berakhlak mulia. Kelompok Jiran Muda dan Tunas Jiran merupakan generasi muda yang perlu diberi pendedahan awal tentang aktiviti agama. Masyarakat bukan Islam tidak melibatkan diri dalam aktiviti keagamaan tetapi menghormati aktiviti yang dilakukan oleh masyarakat Islam. Kebiasaannya, aktiviti yang melibatkan ritual keagamaan dilakukan secara berasingan tanpa melibatkan KRT. Hal ini supaya dapat memberi kebebasan untuk melakukan amalan ritual masing-masing Sementara itu, aktiviti membersihkan rumah ibadat dan perkuburan pula turut dilakukan oleh masyarakat KRT. Sebagai contoh KRT Pangsapuri Pelangi, KRT Komtar, KRT Kg. Kolam, Pulau Pinang, Masyarakat Melayu, Cina dan India turut meluangkan masa dan tenaga untuk membersihkan tempat ibadat dan perkuburan. Aktiviti ini dijadikan sebagai aktiviti kemasyarakatan yang tidak melibatkan kepercayaan agama. Aktiviti-aktiviti ini dapat memupuk hubungan saling membantu dalam masyarakat. Aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh KRT merupakan inisiatif untuk membina hubungan baik dalam kalangan masyarakat. Hal ini seiring dengan pendapat Ibn Khaldun (1993) bahawa toleransi wujud melalui hubungan kerjasama dan penyertaan dalam organisasi. Oleh sebab itu, manusia perlu berinteraksi dan berorganisasi untuk memenuhi keperluan bersama (Ibn Khaldun, 1993).

Aktiviti Kesenian dan Kebudayaan

Aktiviti kesenian dan kebudayaan biasanya dilakukan ketika meraikan majlis-majlis tertentu seperti sambutan perayaan, sambutan kedatangan wakil rakyat, kenduri kahwin dan sebagainya. Aktiviti yang biasa dilakukan adalah kelas seni tari, kraftangan, gubahan, komping, tarian India, tarian Singa, Boria dan pertunjukan pentas. Walau bagaimanapun, aktiviti-aktiviti ini semakin kurang mendapat sambutan oleh Jiran Muda kerana mereka lebih gemar menghabiskan masa lapang di luar. Dalam aktiviti ini, wujud prinsip toleransi apabila masyarakat saling menghormati adat dan kebudayaan etnik lain. Misalnya, KRT Pengkalan Gersik, Johor membuat kelas tarian untuk semua kaum dan KRT Kok Seraya, Tumpat, melaksanakan tarian kebudayaan Siam. Aktiviti ini dapat memberi pendedahan awal kepada Tunas Jiran tentang kepelbagaian etnik, budaya dan adat. Maka, Tunas Jiran dapat memahami, menerima dan menghormati kepelbagaian ini. Namun begitu, aktiviti-aktiviti ini jarang dilakukan kerana Tunas Jiran mengalami kekangan masa ekoran sibuk dengan urusan pelajaran. Oleh sebab itu, Putnam (1993, 1995) menyatakan bahawa penglibatan masyarakat dalam institusi sosial berpotensi membina ruang sosial dan memupuk budaya kerjasama dalam masyarakat majmuk. Fatimah Mohd Yassin (2010) juga turut berpendapat bahawa aktiviti-

aktiviti yang dilakukan oleh KRT dapat memupuk sikap saling menghormati, toleransi, bertanggungjawab dan saling percaya.

Aktiviti Kesihatan dan Alam Sekitar

Aktiviti kesihatan dan alam sekitar merupakan aktiviti yang diadakan setiap tahun. Hal ini bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan penjagaan kesihatan dan alam sekitar. Masyarakat luar KRT turut diberi peluang untuk menyertai aktiviti-aktiviti ini. Antara aktiviti-aktiviti yang sering dilakukan adalah kem kesihatan, ceramah kesihatan, seminar kecergasan, kempen kebersihan dan gotong-royong membersihkan alam sekitar. Menurut Pengerusi KRT Kg. Gong Baru, mesyuarat jawatankuasa KRT akan diadakan sebelum melakukan sebarang aktiviti bagi memastikan setiap aktiviti berjalan lancar. Hubungan kerjasama antara KRT dengan pusat kesihatan memberi manfaat kepada masyarakat kerana berpeluang melakukan pemeriksaan kesihatan secara percuma. Nilai kasih sayang dilihat wujud dalam aktiviti kesihatan apabila masyarakat saling membantu golongan yang lemah seperti OKU dan warga tua untuk melakukan pemeriksaan kesihatan. Jiran Muda turut membantu menghantar golongan ini ke pusat kesihatan kerana ketiadaan pengangkutan. Oleh sebab itu, Mahmud Al-Misri (2014) berpendapat kasih sayang adalah sifat yang memberi manfaat kepada individu lain. Hal ini mewujudkan sikap prihatin dan bertanggungjawab ahli masyarakat terhadap golongan yang memerlukan. Manakala Che Bakar Che Mat et al. (2007) menyatakan bahawa prinsip kasih sayang boleh mengikat masyarakat dalam satu ikatan yang kukuh. Pengabaian prinsip ini boleh menyebabkan wujud jurang dalam masyarakat (Djam' annuri, 2000).

Aktiviti Sukan

Aktiviti sukan merupakan aktiviti yang mendapat sambutan daripada semua lapisan masyarakat terutama Jiran Muda. Menurut Pengerusi KRT Kg. Gong Baru, aktiviti sukan merupakan aktiviti yang paling digemari oleh seluruh masyarakat berbanding aktiviti-aktiviti lain. Oleh sebab itu, pelbagai acara sukan dirangka oleh jawatankuasa KRT bagi menarik minat masyarakat terutama Jiran Muda. Aktiviti sukan yang biasa dilakukan adalah sukaneka, futsal, bola jaring, bola tampar, badminton, bola sepak, bola keranjang, sepak takraw dan ping-pong. Aktiviti ini akan dikendalikan oleh ketua kelompok komuniti masing-masing. Kebiasaannya, Jiran Wanita akan mengadakan aktiviti bola jaring, bola tampar dan sukaneka. Manakala, Jiran Muda dan Tunas Jiran akan mengadakan aktiviti bola sepak, futsal, badminton, sepak takraw dan ping pong. Aktiviti ini merupakan inisiatif pihak KRT untuk memupuk sikap menghormati dan mengeratkan hubungan dalam masyarakat majmuk. Aktiviti sukan memberi peluang yang luas kepada masyarakat untuk mengeratkan hubungan kejiiran. Oleh sebab itu, KRT giat menganjurkan aktiviti sukan dengan menyediakan hadiah dan sijil. Aktiviti ini juga bertujuan menghindari Jiran Muda dan Tunas Jiran daripada terlibat dalam aktiviti tidak berfaedah seperti melepak, merempit, penyalahgunaan dadah, gengsterisme dan sebagainya.

Selain itu, jawatankuasa KRT juga berusaha mencari tajaan bagi menampung kos aktiviti yang akan dilakukan. KRT Pengkalan Gersik, Johor dan KRT Gunung Mas, Negeri Sembilan misalnya berusaha mengumpul dana untuk melaksanakan program kesukanan. Hal ini kerana aktiviti sukan begitu diminati oleh Jiran Muda dan Tunas Jiran. Hal ini menunjukkan sikap tanggungjawab dan kesungguhan ahli jawatankuasa KRT dalam mengalakkan Jiran Muda melakukan aktiviti yang bermanfaat. Aktiviti-aktiviti sukan ini dilihat dapat membina sikap saling menghormati dalam kalangan Jiran Muda. Hal ini seiring dengan pandangan Forrest (2001) bahawa hubungan kejiiran boleh membina kepercayaan dan sikap menghormati khususnya dalam kalangan golongan muda. Che Bakar Che Mat et al. (2007)

turut berpendapat bahawa sikap menghormati dapat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu dan harmoni.

KESIMPULAN

KRT merupakan organisasi sosial yang memainkan peranan penting dalam membentuk kesepaduan sosial kalangan masyarakat kepelbagaian di Malaysia. KRT menjadi titik pertemuan masyarakat kepelbagaian dalam melaksanakan pelbagai program kemasyarakatan. Penglibatan masyarakat secara sukarela dan membina hubungan kerjasama dilihat unik dan mampu memberi impak besar kepada keharmonian dalam negara kita. Secara realitinya masyarakat di Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik terutama di kawasan bandar. Maka, ia memerlukan kaedah yang berkesan untuk mengurus masyarakat kepelbagaian. Kewujudan KRT mampu membina hubungan baik dalam masyarakat melalui program yang dilaksanakan secara aktif dan berterusan. Hal ini memberi kesan terhadap tahap hubungan dan memainkan peranan penting dalam mengurus masyarakat kepelbagaian di Malaysia.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah hasil daripada geran penyelidikan. Jutaan terima kasih ditujukan khas untuk Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) yang telah menaja penyelidikan ini di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), Grant no.: FRGS/1/2020/SS0/UMK/02/3, Fasa 1, bagi tahun 2020.

RUJUKAN

- Aunur Rafiq (2009). *Pendamaian Menurut Perspektif Al-Qur'an: Analisis tentang Hubungannya dengan Piagam Madinah*. Tesis Doktor Falsafah Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Universiti Malaya. Tidak diterbitkan.
- Chamhuri Siwar (1991). *Pembasmian Kemiskinan dalam jangka masa DEB: Beberapa Isu dan Masalah*. Dlm. Khadijah Muhamed & Halimah Awang (Eds.), *Dasar Ekonomi Baru dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sains Sosial Malaysia.
- Chamhuri Siwar (2000). *Kajian Keberkesanan Pendekatan-Pendekatan Pembasmian Kemiskinan di Malaysia*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Muzakarah Penggubal Model Pembasmian Kemiskinan Menurut Perspektif Islam* di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Chamil Wariya (1987). *Politik Kompromi: Satu Tinjauan Kerjasama Melayu dengan Bukan Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: 'K' Publishing & Distributors.
- Chamil Wariya (2007). *Malaysia 50 Fakta Asas Kenegaraan*. Kuala Lumpur: Media Global Matrix.
- Fadilah Zaini & Kassim Thukiman (2009). *Pembangunan Politik dalam Hubungan Etnik*.
- Fatimah Mohd Yasin (2010). *Interaksi Etnik dalam Organisasi Sosial: Kajian terhadap Rukun Tetangga di Pulau Pinang*. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Fearon, J. D. & Laitin, D. D. (1996). *Explaining Interethnic Cooperation*. *American Political Science Review*, 90(4), 715-735.
- Guillaume, A. (2004). *The Life of Muhammad*. Karachi: Oxford University Press.
- Ibnu Khaldun (1993). *Mukadimah Ibn Khaldun* (Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ishak Saat (2005). *Sejarah Sosial Masyarakat Malaysia*. Shah Alam: Karisma Publication.

- Ishak Saat (2009). *Sejarah Panjang Hubungan Malaysia-China*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar 35 Tahun Hubungan diplomatik Malaysia dengan China di Beijing Foreign Studies University, Beijing, China pada 29 Mei-4 Jun 2009.
- Khairul 'Azmi Mohamad & Nooraini Othman (2009). Minda Hadhari dalam Mencapai Matlamat Islam Hadhari. Dlm. Khairul 'Azmi Mohamad et al., (Eds.), *Ke arah Umat Hadhari*. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan.
- Korten, D. C. (1980). Community Organization and Rural Development. A Learning Process Approach. *Public Administration Review*, 40, 242-249. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Mizan.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee (2006). *Hubungan Etnik di Malaysia*. Selangor: Pearson Malaysia.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani (2010). The Politics of Islam Hadhari and Ethnic Relations in Malaysia. Dlm. Maya Khemlani David et al. (Eds.), *Ethnic Relations and Nation Building the Way Forward* (47-71). Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.
- Nik Mustapha Nik Hassan (2009). Memahami Pendekatan Islam Hadhari. Dlm. Khairul 'Azmi Mohamad et al. (Eds.), *Ke arah Umat Hadhari*. Kuala Lumpur: Yayasan Ilmuan.
- Nurazmallail Marni et al. (2004). Amalan Bekerjasama dalam Komuniti Setempat: Kepentingannya Menurut Perspektif Islam. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), Universiti Utara Malaysia, Kedah pada 4-6 September 2004.
- Putnam, R. D. (1993). *Making Democracy Work, Civic Traditions in Modern Italy*. Princeton: Princeton University Press.
- Putnam, R. D. (1995). Tuning In, Tuning Out: The Strange Disappearance of Social Capital in America. *PS: Political Science & Politics*, 28(4), 664-683.
- A. Rahman Ahmad Jerlun (1990). *Rukun Islam Formula Perpaduan Ummah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Amri Baharuddin (2008). Hubungan Etnik di Malaysia: Mencari dan Mengekal Kejernihan dalam Kekeruhan. *Siri Kertas Kajian Etnik UKM*, 1(November), 6-22.
- Shamsul Amri Baharuddin (2011). Kesepaduan dalam Kepelbagaian. Perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shamsul Amri Baharuddin (Ed.) (2012). *Modul Hubungan Etnik Edisi Kedua*. Bangi: Institut Kajian Etnik, UKM.
- Shek Kwai Fun (2007). Keberkesanan Kerja Berpasukan dan Kepuasan Kerja Ketua Panitia dalam Jabatan Bahasa dan Sains Sosial di Sekolah Menengah Daerah Pontian. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Steven, C. D. (2003). Cooperation for Community Economic Development. *Community Economics* (Oktober), 1-2. Diakses pada 12 Disember 2012 daripada <http://www.aae.wisc.edu/pubs/cenews/docs/ce324.pdf>.
- Surtahman Kastin Hasan (2008). *Kerjasama Ekonomi Umat Islam Potensi dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Watt, W. M. (1956). *Muhammad at Medina*. London: Oxford University Press.
- Yahaya Jusof (2014). *Sejarah Falsafah Politik dalam Islam*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Yusri Mohamad Ramli & Tengku Ghani Tengku Jusoh (2012). Najib Razak's 1Malaysia and Charter of Medina's One Ummah: Comparative Perspective. *International Journal of Business and Social Science*, 3(2), 95-101.